

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.11.2016

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bank Negara Malaysia sedar bahawa terdapat bank-bank yang tidak mengikut garis panduan "Islamic Banking" seperti yang diwajibkan oleh BNM berkenaan dengan pemberian rebat kepada para peminjam yang menyelesaikan pinjaman lebih awal daripada tempoh sebenar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa menitik beratkan aspek perlindungan pengguna dan amalan pasaran kewangan yang sihat. Salah satu polisi berkaitan

perlindungan pengguna institusi perbankan Islam (IPI) adalah garis panduan mengenai *ibra'* (rebat) bagi pembiayaan berdasarkan jual beli (seperti *Murabahah*). Garis Panduan *Ibra'* yang dikeluarkan pada tahun 2011 ini bertujuan untuk meningkatkan tahap ketelusan dan memastikan institusi kewangan Islam (IKI) memberikan rebat kepada pelanggan yang menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang pembiayaan tersebut, termasuklah penyelesaian awal yang disebabkan elemen kemungkiran.

Bagi memastikan Garis Panduan *Ibra'* yang dikeluarkan oleh BNM dilaksanakan oleh IPI, pihak BNM sentiasa mengawal selia penawaran produk-produk pembiayaan oleh IPI bagi memastikan terma-terma berkaitan rebat dan maklumat berkaitan aplikasi rebat telah dizahirkan di dalam kontrak pembiayaan dan dimaklumkan kepada pelanggan pada permulaan kontrak.

Walau bagaimanapun, daripada aspek pelaksanaan pemberian *ibra'* oleh IPI bagi penyelesaian awal pembiayaan yang dibuat oleh pelanggan, BNM maklum bahawa terdapat beberapa aduan daripada pengguna menerusi Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) yang tidak berpuas hati dengan amalan pemberian rebat oleh beberapa IPI.

BNM telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan setiap aduan yang diterima daripada pengguna seperti meminta penjelasan daripada pihak IPI mengenai aduan yang dibuat pengguna dan mengarahkan IPI untuk memberi *ibra'* yang sewajarnya kepada pelanggan. Pihak BNM memandang serius terhadap sebarang ketidakpatuhan dan salah laku dalam pemberian rebat oleh mana-mana IPI akan dikenakan tindakan sewajarnya.